

**MENINJAU TAHAP PENGLIBATAN ORANG DEWASA DALAM PENDIDIKAN  
TEKNIK DAN VOKASIONAL MELALUI KELAS ANJURAN BAHAGIAN  
KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)**

**ISRATUN BINTI IDRIS**

**Kajian Kes ini Dikemukakan Kepada Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
FAKULTI KEJURUTERAAN  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**SEPTEMBER 2001**

**DEDIKASI**

*Untuk keluarga dan insan yang disayangi :*

*Idris Bin Said*

*Basah Binti Ahmad*

*Adik-adik*

*Ahmad Raizal Bin Mohd Idris*



PTT  
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT yang telah memberi keizinan untuk menyiapkan kajian kes ini. Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Tuan Haji Sapon Bin Ibrahim, pembimbing kajian kes ini di atas bimbingan dan perbincangan yang diberikan sepanjang tempoh kajian kes ini dijalankan.

Kerjasama yang ditunjukkan oleh Pihak KEMAS kawasan Sri Gading, Parit Jelutong, Parit Raja, Johor juga amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian kes ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala yang baik itu datangnya daripada Allah SWT dan segala kekurangan yang ada adalah datangnya daripada kelemahan saya sendiri.

## ABSTRAK

Kajian kes ini dibuat adalah bertujuan untuk meninjau tahap penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas anjuran Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Tahap penglibatan ini dilihat dari segi alasan penyertaan mereka, faktor dorongan serta kesan terhadap beberapa aspek. Kajian ini dijalankan di sekitar kawasan KEMAS Sri Gading dengan populasinya ialah 130 orang dan sampel kajian sebanyak 100 telah diambil. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa orang dewasa menyertai kelas kemahiran yang dianjurkan kerana beberapa alasan dan antaranya ialah minat belajar, menambahkan kemahiran, mengisi masa lapang dan sebagainya. Dari segi dorongan, hasil kajian menunjukkan orang dewasa menyertai kelas kemahiran ini dengan dorongan diri sendiri, sahabat dan keluarga. Akhir sekali perkara yang di kaji ialah kesan kerana mengikuti kelas kemahiran yang dianjurkan iaitu mereka mendapat kemahiran yang diperlukan, dapat mengisi masa lapang, menambah ilmu dan lain-lain lagi. Pada keseluruhannya boleh dikatakan penglibatan orang dewasa di dalam kelas kemahiran ini mampu memenuhi hasrat kerajaan untuk menanam budaya pembelajaran sepanjang hayat.

## ABSTRACT

The purpose of this research was to indentify the level of adults involvement in technic and vocational education through classes under Community Development Department (KEMAS). The research has viewed levels of involvement, supporting factors and the impact it gives to several aspects of education. The population of this study is 130 adult students of the KEMAS's classes in Parit Raja, Johor and 100 students are selected randomly as a sample. Result of the research shown that the reason they involve in the program are because of interest, to enhance skills and to fullfill past time. The main objective of the classes is to increase local adult knowledge in various field and with support from the student's families, friends and community. The vision to encourage lifelong learning can be achieved through this program.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
	SENARAI JADUAL	xiv

### BAHAGIAN SATU PENDAHULUAN

BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Soalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Kerangka Teori	7
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Skop Kajian	9
	1.9 Definisi Istilah	10

## BAHAGIAN DUA SOROTAN KAJIAN

### BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Rantaian pendidikan yang membentuk <i>“lifelong learning”</i>	16
2.3	Menyubur budaya Pendidikan Seumur Hidup Untuk meningkatkan kemahiran	17
2.4	Dewasa dan pendidikan serta pembelajaran Tidak formal.	18
2.5	Cadangan untuk membangunkan pendidikan Dewasa.	19
2.6	Peranan Pendidikan Vokasional dalam pembangunan sumber tenaga manusia bagi mencapai matlamat wawasan 2020.	21
2.7	Pendidikan Kemahiran Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	23
2.8	Kerangka Teori Hasil Kajian Lepas	25
2.9	Kesimpulan	27

## BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

### BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Rekabentuk Kajian	28
3.2	Kerangka Operasi	29
3.3	Sumber Data	30
3.4	Intrumen Kajian	31
3.5	Kajian Rintis	32
3.6	Analisis Data	33

3.7	Andaian	34
3.8	Batasan Kajian	34

## BAHAGIAN EMPAT ANALISIS DATA

### BAB V ANALISIS DATA

4.0	Pengenalan	35
4.1	Analisis Kajian Rintis	36
4.2	Analisis Faktor-faktor Demografi	39
4.2.1	Jantina	39
4.2.2	Tahap Umur	40
4.2.3	Kelulusan Akademik	41
4.2.4	Pendapatan Isirumah	42
4.2.5	Status Pekerjaan	43
4.3	Analisis Alasan Penyertaan di Dalam Pendidikan Dewasa	44
4.4	Analisis Dorongan untuk Menyertai Pendidikan Dewasa	46
4.5	Analisis Kesan Semasa dan Selepas Menyertai Pendidikan Dewasa	47
4.6	Analisis Hubungan antara Faktor Demografi Dengan Semua Faktor yang Lain	49
4.6.1	Analisa Hubungan Antara Tahap Umur Dengan Faktor Alasan, Dorongan Dan Kesan Menyertai Kelas Dewasa	49
4.6.2	Analisa Hubungan Antara Tahap Kelulusan Dengan Faktor Alasan, Dorongan Dan Kesan menyertai Kelas Dewasa	51
4.6.3	Analisa Hubungan Antara Tahap Pendapatan Dengan Faktor Alasan, Dorongan	



	Dan Kesan menyertai Kelas Dewasa	53
4.6.4	Analisa Hubungan Antara Status Pekerjaan Dengan Faktor Alasan, Dorongan Dan Kesan menyertai Kelas Dewasa	55

## **BAHAGIAN LIMA**

### **PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	57
5.1	Perbincangan	58
5.1.1	Perbincangan Mengenai Faktor Demografi	58
5.1.2	Perbincangan Mengenai Alasan Orang Dewasa Menyertai Kelas KEMAS	60
5.1.3	Perbincangan Mengenai Dorongan Orang Dewasa Menyertai Kelas KEMAS	63
5.1.4	Perbincangan Mengenai Kesan Terhadap Hubungan Sosial Orang Dewasa Kerana Menyertai Kelas KEMAS	64
5.1.5	Perbincangan Mengenai Kesan Terhadap Kemahiran Orang Dewasa Kerana Menyertai Kelas KEMAS	64
5.1.6	Perbincangan Mengenai Kesan Terhadap Kerjaya Orang Dewasa Kerana Menyertai Kelas KEMAS	65
5.1.7	Perbincangan Mengenai Hubungan Antara Faktor Demografi Dengan Setiap Faktor di Dalam Instrumen Kajian.	65
5.2	Kesimpulan	67

5.3	Cadangan	68
-----	----------	----

**BAHAGIAN ENAM**  
**SENARAI DOKUMEN RUJUKAN**

<b>RUJUKAN</b>	<b>72</b>
----------------	-----------

**BAHAGIAN TUJUH**  
**LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A-C</b>	
---------------------	--



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1	Sebab-sebab penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional.	7
Rajah 2	Kesan penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional	8
Rajah 3	Kerangka Teori The factor analysis of the Educational Participation Scale (EPS	25
Rajah 4	Peratus tahap umur responden.	40
Rajah 5	Peratus Responden Mengikut Tahap Kelulusan Akademik	41
Rajah 6	Peratus Responden Mengikut Kelas Pendapatan Isirumah	42
Rajah 7	Peratus Responden yang bekerja dan tidak bekerja	43
Rajah 8	Alasan penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional.	67
Rajah 9	Dorongan utama penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional.	67
Rajah 10	Kesan penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional.	68

**SENARAI LAMPIRAN****NO. LAMPIRAN****TAJUK**

Lampiran A	Carta Gantt bagi menunjukkan jadual pelaksanaan kajian kes
Lampiran B	Garis panduan yang telah dikemukakan oleh Krejeie R.V. dan Morgan D.W.(1970)
Lampiran C	Borang soal selidik



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1	Analisis Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	38
Jadual 2	Analisa responden terhadap alasan menyertai Kelas KEMAS.	45
Jadual 3	Analisa responden terhadap dorongan untuk menyertai Kelas KEMAS.	46
Jadual 4	Kesan Terhadap Hubungan Sosial Responden dengan menghadiri Kelas KEMAS.	47
Jadual 5	Kesan Terhadap Kemahiran Responden dengan menghadiri Kelas KEMAS.	48
Jadual 6	Kesan Terhadap Responden Selepas Menghadiri Kelas KEMAS.	48
Jadual 7	Jadual hubungan signifikansi antara tahap umur dan 'Soalan 6 a hingga Soalan 10 d'.	50
Jadual 8	Jadual hubungan signifikansi antara tahap Kelulusan dan 'Soalan 6 a hingga Soalan 10 d'.	52
Jadual 9	Jadual hubungan signifikansi antara tahap Pendapatan dan 'Soalan 6 a hingga Soalan 10 d'.	9
Jadual 10	Jadual hubungan signifikansi antara Status Pekerjaan dan 'Soalan 6 a hingga Soalan 10 d'.	56

**BAHAGIAN SATU**

**PENDAHULUAN**



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi ini, sains, ekonomi dan teknologi maklumat lebih dititik beratkan agar negara dapat bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Justeru itu, Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah membuat persediaan untuk melahirkan jumlah tenaga kerja yang mencukupi dan berkemahiran bagi menampung keperluan negara ke arah globalisasi. Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah membuat perubahan kursus yang melibatkan penambahan masa pembelajaran untuk mata pelajaran akademik kepada 60% dan 40% pula digandakan untuk kemahiran asas vokasional. Sukatan pelajaran akademik yang diajar di Sekolah Menengah Vokasional kini sama dengan yang di sekolah akademik seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Rampaian Sains, Sejarah, Geografi, Agama, dan Moral. Manakala tiga komponen mata pelajaran vokasional ialah teknologi, amali dan lukisan yang berkaitan. Tujuan gabungan antara akademik dan vokasional ialah untuk memastikan lulusan sekolah vokasional mempunyai pengetahuan akademik serta kemahiran asas yang kukuh untuk membolehkan mereka menjadi kreatif, inovatif dan fleksibel kepada perubahan teknologi (Siti Maspah Hassan, Nor Azizah Mohd Salleh 1996).

Pendidikan yang diterima di sekolah adalah sinonim kepada kerja dan peluang pekerjaan dalam bidang industri, perdagangan dan perkhidmatan. Dengan kata lain, pendidikan yang diberi di peringkat sekolah adalah persediaan dalam menghadapi dunia pekerjaan sebenar. Selain itu, kebanyakan kurikulum di institusi

pengajian menawarkan tahap dan masa praktikal untuk pelajar menimba pengalaman di dalam industri, dan tujuan utama latihan ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan kebolehan dan pengalaman yang sesuai dengan pekerjaan sebenar di dalam industri. Keperluan industri terhadap kebolehan serta pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan juga sentiasa berubah selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Perubahan pesat dalam teknologi yang berlaku sekarang menuntut pihak institusi pendidikan untuk peka dan sentiasa melakukan perubahan terhadap sistem pendidikan di negara ini, perubahan ini perlu untuk memastikan pelajar lepasan sekolah, institusi pengajian tinggi awam atau swasta mempunyai pendidikan serta kebolehan terkini dan sesuai dengan teknologi semasa. Selain itu, pendidikan juga harus disediakan kepada pekerja yang sudah bekerja untuk memperbaiki kelulusan serta meluaskan peluang mereka untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi. Selain itu peluang untuk pembelajaran jangka masa panjang juga dapat dipenuhi.

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang diumumkan oleh kerajaan untuk tempoh tahun 1991-2000 telah dirangka untuk menuju ke arah pencapaian matlamat tersebut. Purata sebanyak 7% pertumbuhan setahun menjadi matlamat RRJP 2 untuk ramalan pengeluaran yang menyumbang sebanyak 37% daripada pengeluaran kasar tempatan bagi tahun 2000 yang lalu. Untuk itu, peningkatan dari teknologi proses yang mudah kepada teknologi yang lebih canggih akan memerlukan kepakaran 153,000 jurutera dan pembantu teknik dalam tempoh tersebut (Haji Yahya Bin Emat, 1993).

Keperluan sumber manusia seperti yang dinyatakan di atas, dengan sendirinya merupakan cabaran yang besar kepada latihan teknik dan vokasional. Pertumbuhan di dalam ekonomi dan industri Malaysia adalah bergantung kepada keupayaan kita untuk mempertahankan kadar produktiviti yang tinggi dan daya saing di arena antarabangsa. Daya saing dan produktiviti industri bergantung pula kepada adanya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan bermotivasi tinggi (Haji Yahya Bin Emat, 1993).



Oleh itu, hasrat dan harapan negara terhadap latihan dan pendidikan dalam bidang teknik dan vokasional adalah amat tinggi. Kepincangan di dalam sistem latihan ataupun pendidikan teknik dan vokasional akan mengakibatkan kurangnya tenaga mahir yang seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan industri menjadi lembap dan pengeluaran nasional menjadi rendah.

## 1.2 Latarbelakang Masalah

Pendidikan Vokasional semakin penting dalam era globalisasi ini, kerana di mana-mana negara yang pesat membangun keperluan tenaga profesional dan separa profesional amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Tenaga profesional dan separa profesional ini adalah teras pembangunan negara. Bagi mencapai hasrat untuk melahirkan tenaga yang mencukupi, sistem pendidikan di Malaysia dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet menyentuh mengenai pendidikan dan telah diterbitkan dalam tahun 1979, menyatakan bahawa :-

*“..... tujuan melatih para pelajar adalah untuk pekerjaan dan mendedahkan mereka kepada suasana kerja dari awal lagi dan telah dilakukan secara menyeluruh.”*

Di sini, Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah diterima sebagai sistem alternatif bagi menyediakan latihan dalam pendidikan. Bagi memenuhi kehendak ini pelajar telah didedahkan dari awal kepada kemahiran pra vokasional bagi menyediakan mereka untuk memenuhi permintaan pasaran buruh pada masa hadapan. Ini adalah memenuhi aspek “keupayaan kognitif dan kemahiran bekerja” dalam kurikulum (Siti Maspah Hassan, Nor Azizah Mohd Salleh 1996).

Dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, persekitaran, teknologi atau sosial, terdapat kepentingan untuk menjadikan pendidikan sebagai satu keperluan jangka masa panjang. Jika pengetahuan, skil dan kebolehan pembelajaran yang diberikan hanya diberi perhatian pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi sahaja dan tidak diperbaharui selepas pelajar tersebut mula bekerja, kapasiti

seseorang individu, masyarakat dan negara untuk diadaptasikan ke dalam persekitaran akan berkurangan. Pembelajaran jangka masa panjang adalah suatu isu yang perlu diambil berat bagi mengatasi masalah ini. Pentingnya seseorang itu untuk belajar sepanjang hayat walaupun sibuk bekerja akan mengubah mereka menjadi individu, masyarakat dan negara yang sentiasa berada di hadapan.

Salah satu sebab mengapa individu, masyarakat dan sesebuah negara itu perlu memperbaiki kapasiti mereka dan sentiasa berada di hadapan ialah kerana kebanyakan negara pada dasarnya mengamalkan ekonomi perdagangan terbuka atau bebas. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya persaingan di antara negara-negara membangun dari segi kekuatan ekonomi. Untuk menghadapi cabaran ini Amerika telah mengambil langkah untuk membina masyarakat yang berilmu dan pekerja yang pintar. Begitu juga dengan Britain, mereka telah pun membuat ketetapan supaya penduduknya daripada berbagai-bagai lapisan umur memperolehi kemahiran-kemahiran tertentu supaya negara mereka dapat kekal bersaing dalam pasaran antarabangsa yang begitu mencabar. Di Sweden pula seorang dari dua orang dewasa di dapati mengikuti kursus separuh masa bagi meningkatkan kemahiran masing-masing (Imran Bin Idris,1993)

Jelas kepada kita rakyat Malaysia, kepentingan untuk mempunyai masyarakat yang mahir dan berilmu. Bagi mencapai maksud ini pendidikan teknik dan vokasional akan menjadi komponen yang penting dalam kurikulum pendidikan Malaysia di samping komponen akademik yang lain. Selain itu pendidikan juga harus disediakan kepada orang dewasa yang telah melepasi tahap pendidikan tertentu bagi meningkatkan tahap kemahiran serta kebolehan sedia ada mereka bagi menghadapi cabaran tersebut.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Walaupun negara sedang membangun dengan pesat dan berusaha menyediakan jumlah tenaga buruh yang berkemahiran tinggi dengan menyediakan

lebih banyak Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional. Tetapi kerajaan juga harus sedar bahawa latihan serta kemahiran yang telah diberikan kepada pelajar tersebut tidaklah setakat itu sahaja dan perlu sentiasa diperbaiki melalui pendidikan sepanjang hayat selepas pelajar tersebut bekerja. Pendidikan sepanjang hayat ini berkemungkinan dijalankan secara formal, informal atau tidak formal. Orang dewasa iaitu pelajar yang telah melepasi tahap pendidikan tertentu dan telah bekerja yang sedar akan kepentingan untuk memperbaiki kemahiran mereka akan berusaha memperbaiki diri mereka dengan menceburi pendidikan dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional khususnya. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dibuat untuk **“Meninjau penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas kemahiran anjuran Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS).”**

#### 1.4 Soalan Kajian

Secara khususnya kajian ini cuba meninjau pendapat dan pandangan orang dewasa terhadap pendidikan dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional serta menjawab persoalan kajian di bawah :

- (i) Mengapa orang dewasa melibatkan diri dengan pendidikan dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas kemahiran anjuran KEMAS?
- (ii) Adakah terdapat dorongan dari mana-mana pihak terhadap orang dewasa untuk melibatkan diri dalam pendidikan dewasa melalui kelas kemahiran anjuran KEMAS ?
- (iii) Apakah kesan selepas mempelajari dan memiliki kemahiran dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional melalui kelas kemahiran anjuran KEMAS dalam beberapa hal iaitu :
  - a. Kesan terhadap hubungan sosial orang dewasa ?
  - b. Kesan terhadap Kemahiran orang dewasa ?

- c. Kesan terhadap kerjaya semasa orang dewasa ?

### 1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menghuraikan apakah kepentingan dan sebab-sebab penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas KEMAS. Manakala objektif secara khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengkaji mengapa orang dewasa melibatkan diri dengan pendidikan dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas KEMAS.
- (ii) Melihat kesan terhadap diri pelajar dewasa selepas mempelajari dan memiliki kemahiran dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas KEMAS.
- (iii) Mengetahui dorongan terhadap penglibatan orang dewasa dalam pendidikan dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional melalui kelas KEMAS.
- (iv) Mengetahui adakah segala kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari semasa, mampu memperbaiki kemahiran sedia ada pelatih dewasa.
- (v) Mengkaji adakah segala kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari semasa boleh diaplikasikan dalam kerjaya mahupun kehidupan semasa pelatih dewasa.

## 1.6 Kerangka Teori

### 1.6.1 Kerangka teori satu




Rajah 1 : Sebab-sebab penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional.

Diharapkan hasil kajian pengkaji menghasilkan kerangka teori seperti di atas, kerangka teori tersebut mengelaskan faktor-faktor penglibatan orang dewasa dalam pendidikan dewasa kepada 6 bahagian :

1. Hubungan Sosial
  - Untuk berkumpul bersama rakan
  - Untuk mencari kawan baru
2. Arahan pihak yang berkepentingan
  - Untuk memenuhi arahan dari pengurus tempat kerja
3. Kebajikan Sosial
  - Untuk persediaan bagi memberi khidmat kepada komuniti
  - Untuk memperbaiki kebolehan untuk terlibat dalam kerja komuniti

4. Kemajuan diri
  - Untuk memberi status yang tinggi dalam pekerjaan
  - Untuk bersedia dengan persaingan
  - Untuk membuka perniagaan sendiri
5. Merangsang minda
  - Untuk lari dari rasa bosan
  - Untuk mengisi masa lapang
  - Untuk menyedia kelainan dalam kehidupan
6. Perkembangan Kognitif
  - Untuk belajar semata –mata
  - Untuk mempelbagaikan ilmu yang ada
  - Untuk kepuasan minda

#### 1.6.2 Kerangka Teori Dua



Rajah 2 : Kesan penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional

## 1.7 Kepentingan kajian

Diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kearah kebaikan berdasarkan kepada kepentingan kajian yang berikut:

- (i) Kajian ini dapat menjelaskan sebab-sebab penglibatan orang dewasa dalam pendidikan teknik dan vokasional (PTV) melalui kelas KEMAS.
- (ii) Dapatan dari hasil kajian ini diharapkan menjadi rujukan kepada semua pihak terutamanya orang dewasa yang ingin melanjutkan pelajaran serta meningkatkan kemahiran sedia ada.
- (iii) Dapatan ini juga, boleh memperlihatkan keberkesanan kursus pendidikan dewasa yang ditawarkan melalui Kelas KEMAS.
- (iv) Dapatan kajian ini juga dapat memperlihatkan tahap pencapaian orang dewasa selepas melibatkan diri dengan kelas KEMAS.
- (v) Dapatan kajian juga dapat melihat tahap kesedaran orang dewasa untuk meluaskan kemahiran seterusnya memenuhi impian masa-masing.
- (vi) Selain itu, kajian ini juga memberikan model pendidikan dewasa yang lebih berkesan.

## 1.8 Skop kajian

Kajian ini melibatkan para pelatih Kelas KEMAS di beberapa buah kawasan sekitar yang dikelolakan oleh KEMAS kawasan Sri Gading, Parit Jelutong, Batu Pahat, Johor.

## 1.9 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang mempunyai maksud tertentu:

### (i) Penglibatan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka “penglibatan” di definisikan sebagai perihal melibatkan diri (persatuan dan sebagainya) dalam sesuatu hal ( perkara dan sebagainya)

### (ii) Orang Dewasa

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka “orang” di definisikan sebagai manusia (sebagai peribadi). Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka “dewasa” di definisikan sebagai sudah akil baligh, sudah berumur 21 tahun ke atas, sudah cukup besar.

Dengan ini diringkaskan bahawa orang dewasa ialah manusia yang sudah mencapai akil baligh dan berumur 21 tahun ke atas.

### (iii) KEMAS (Kemajuan Masyarakat)

KEMAS ialah merupakan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. KEMAS menjalankan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk membangunkan sesebuah kawasan dengan menjalankan pelbagai aktiviti antaranya:

- Pendidikan Kemahiran
- Pendidikan Literasi Fungsian
- Pendidikan Islam
- Perpustakaan Masyarakat
- Gerakan Desa Wawasan
- Pendidikan Ke arah Kesejahteraan Kekeluargaan



## Rujukan

- Cross P.K. (1981). *“Adults As Learners : Increasing Participation and Facilitating Learning”*, 1<sup>st</sup> ed. San Francisco : Jossey-Bass Classics.
- Dalen (1979). *“Education Research.”* New York : Alfred A. Knopf.
- Dodds, A. (1994). “Distance learning for pre-tertiary education in Africa”, in M. Thorpe and D. Grugeon (eds.): *Open Learning in the Mainstream* (Harlow, Longman Group) ” Retrieved On 6th June 2001 from The World Wide Web (<http://www.globaldistancelearning.com/Teaching/Design/con-02.html>).
- Grindstaff, Faye Louise (1968). *“The response of thenth-grade students to four novels.”* Disertasi Ph.D. Colorado State University.
- Haji Yahya Bin Emat(1993), *“ Pendidikan Vokasional ke arah Perkembangan Tenaga Mamusia : Cabaran dan Strategi Pendidikan Teknik dan Vokasional ke arah mencapai wawasan 2020,”* Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 37, Keluaran 78, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Imran Bin Idris(1993), *“ Pendidikan Vokasional ke arah Perkembangan Tenaga Mamusia : Perubahan Dunia Vokasional – Satu Cabaran kepada Sistem Pendidikan,”* Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 37, Keluaran 78, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jack R. Fraenkal dan Norman E. Wallen (1996). *“ How To Design And Evaluate Research In Education.”* New York : McGraw Hill Inc.
- Kamus Dewan* (1989). Edisi Baru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kerajaan Malaysia (1991), “Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995
- Shahril Bin Marzuki(1993),*“ Pendidikan Vokasional ke arah Perkembangan Tenaga Mamusia : Perubahan Dunia Vokasional – Satu Cabaran kepada Sistem Pendidikan,”* Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 37, Keluaran 78, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Matheson, D. (1995). *“Adult education in Suisse romande” in Compare* (Abingdon. Oxon.), Vol. 25, No. 2, pp. 115-136.
- Misran Rokimin (1998). *“ Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara, 26-27.”* Nov.1998,UKM. Fakulti Pendidikan (1999)

Mohd Majid Konting (1990). “*Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). “*Penyelidikan Pendidikan.*” Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (1994). “*Asas Pedagogi dalam Pengajaran dan Pembelajaran.*” Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000., 1991

Siti Maspah Hassan, Nor Azizah Mohd Salleh (1996). “*Pendidikan Vokasional – Formal dan Non-Formal Ke Arah Wawasan 2020.*” Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad ke-21, Fakulti Pendidikan, UKM, 1996, 2<sup>nd</sup> Ed.

UNESCO, (1976). “*Recommendation on The Development of Adult Education, 1976<sup>11</sup>*”. Adopted on 26 November 1976 by the General Conference of UNESCO at its nineteenth session held in Nairobi. Retrieved On 6th June 2001 from The World Wide Web : ([http://www.unesco.org/human\\_rights/hrca.htm](http://www.unesco.org/human_rights/hrca.htm).)

Walter R. Borg dan Meredith D. Gall (1983). “*Educational Research.*” New York : Longman

\_\_\_\_\_ (1999). “*Pendidikan Kesusasteraan.*” Retrieved On The World Wide Web : (<http://www.ppk.kpm.my/sphsp/spkmelayu.pdf>.)

\_\_\_\_\_ (2000). “*Mediterraneo.*” Retrieved On 6th June 2001 from The World Wide Web : (<http://www.istruzione.it/argomenti/mediterraeo/inglese/technica.htm>.)

\_\_\_\_\_ (2000). “*Lifelong Learning in the Twenty-First Century: The Changing Roles of Educational Personnel*” Retrieved On 6th June 2001 from The World Wide Web : <http://www.ilo.org/public/english/dialogue/sector/techmeet/jmepr1.htm>.